



JABATAN LAUT MALAYSIA

KENYATAAN PRA KELAYAKAN

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan bagi "MEREKABENTUK, MEMBINA, MENGUJI DAN MENTAULIAH KAPAL PENYENGGARA ALAT BANTUAN PELAYARAN PELBAGAI FUNGSI BERSAIZ 85 METER PANJANG KESELURUHAN UNTUK LEMBAGA DIUS API, JABATAN LAUT MALAYSIA".
2. **Pendaftaran Kontraktor**
 - a) Kontraktor yang ingin menyertai Pra Kelayakan ini hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam Kod Bidang **110602 - Bot dan Kapal (Pembekal)** dan **110699 - Bot dan Kapal (Pembuat)**.
 - b) Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dari memasuki tender tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Pra-Kelayakan ini.
3. **Tempoh Penyiapan/Penyerahan**
Tempoh penyiapan/penyerahan adalah tidak melebihi **24** bulan.
4. **Keupayaan Kewangan**
 - a) Mempunyai modal pusingan (*working capital*) atau kemudahan kredit melebihi **RM6,500,000.00**.
 - b) Kontraktor hendaklah mengemukakan Penyata Akaun Bank bagi tiga bulan terakhir dari tarikh tutup Pra Kelayakan ini.
 - c) Kontraktor hendaklah mengemukakan Laporan Tahunan Kewangan bagi dua (2) tahun tahun kewangan terakhir yang telah diaudit dan telah disahkan oleh juruaudit bertauliah.
5. **Pengalaman**
 - a) Mempunyai pengalaman dalam pembinaan kapal bersaiz tidak kurang 4000 tannan kasar sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
 - b) Mempunyai pengalaman membina sekurang-kurangnya tiga (3) buah kapal bersaiz 4000 tannan kasar.
 - c) Kontraktor hendaklah menyertakan Salinan Sijil Penyerahan Siap Kapal atau yang bersamaan dengannya yang disahkan oleh Pemilik Kapal.
 - d) Mempunyai rekod prestasi yang cemerlang dalam tempoh 3 tahun terakhir dalam pembinaan kapal.
6. **Kemudahan / Fasiliti Limbungan**
 - a) Kontraktor hendaklah mengemukakan maklumat-maklumat berikut dengan mengisi Borang H:
 - i. Jenis Limbungan
 - ii. Saiz Limbungan
 - iii. Kawasan Keseluruhan Limbungan
 - iv. Gambar Limbungan dan Kawasan Keseluruhan (bertarikh terkini)
 - v. Pemilikan Limbungan (Pemilikan Sendiri atau Sewa)
 - b) Limbungan yang dimiliki atau disewa hendaklah mempunyai lesen dari Malaysia Industrial Development Authority (MIDA) dan lesen menjalankan perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sesalinan lesen yang disahkan hendaklah dikemukakan.
7. **Kerja Semasa**
 - a) Kontraktor hendaklah menyatakan kerja-kerja semasa yang sedang dijalankan dengan memberikan Salinan Surat Setuju Terima atau yang bersamaan dengannya yang disahkan oleh Pemilik Kapal.
 - b) Kontraktor hendaklah mengemukakan Laporan Prestasi Kemajuan Kerja atau yang bersamaan dengannya, bagi setiap kerja-kerja semasa yang sedang dijalankan.
8. **Keupayaan Teknikal**
 - a) Kontraktor hendaklah wajib mempunyai kakitangan utama seperti berikut:

i. Arkitek Laut (<i>Naval Architect</i>)	vi. Pegawai Keselamatan (<i>Safety Officer</i>)
ii. Jurutera Kapal	vii. Juruukur Bahan
iii. Jurutera Mekanikal	viii. <i>Dock Master</i>
iv. Jurutera Elektrik	ix. Akauntan
v. Jurukimpal Profesional (<i>Professional Welder</i>)	
 - b) Kontraktor hendaklah memberikan profil setiap kakitangan yang dinyatakan di atas beserta Salinan Sijil-Sijil Profesional yang disahkan yang dimiliki oleh setiap kakitangan.
 - c) Kontraktor juga hendaklah mengemukakan sesalinan Penyata Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang terkini yang disahkan bagi setiap kakitangan Profesional yang dinyatakan.
 - d) Kontraktor hendaklah menyenaraikan kesemua jentera, peralatan dan loji samada pemilikan sendiri atau sewaan yang berada di limbungan dengan menyertakan sesalinan Sijil Pemilikan atau Surat Sewaan yang disahkan oleh badan berkaitan atau pemilik.
 - e) Kontraktor juga hendaklah menyertakan gambar terkini jentera, peralatan dan loji sedia ada yang terdapat di limbungan tersebut.
9. Dokumen Pra Kelayakan boleh dibeli pada waktu pejabat bermula pada **13/3/2014** (selepas taklimat Pra Kelayakan) di:

**Unit Pengurusan Aset
Blok C, Aras 1, Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia
Jalan Limbungan, Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan.**

Dokumen Pra Kelayakan hanya dikeluarkan kepada wakil atau ejen kontraktor yang diberi kuasa sahaja. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan menunjukkan sijil pendaftaran asal atau memaklumkan nombor pendaftaran kontraktor dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk tujuan semakan secara atas talian.
10. Harga Dokumen Pra Kelayakan ialah **RM 50.00** (Ringgit Malaysia: **Lima Puluh sahaja**) senaskah. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang Pos atas nama **Pengerusi, Lembaga Dius Api**. Bayaran ini tidak dikembalikan.
11. Dokumen Pra Kelayakan yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender pada atau sebelum **27 Mac 2014 jam 12.00 tengah hari** di pejabat berikut:

**Ibu Pejabat Laut
Jabatan Laut Malaysia, Blok C, Aras 1, Jalan Limbungan,
Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan.**

12. Kontraktor yang ingin menyertai Pra Kelayakan ini **DIWAJIBKAN** menghadiri Taklimat Pra Kelayakan yang akan diadakan pada ketetapan berikut :-

Tarikh : 13 Mac 2014

Jam : 10.00 Pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat

**Bahagian Keselamatan Pelayaran, Ibu Pejabat Laut,
Jalan Shahbandar, Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan.**

Dokumen Pra Kelayakan hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat Pra Kelayakan sahaja.

IKLAN SURAT KHABAR

TAJUK: KENYATAAN PRA KELAYAKAN BTW 85 PANJANG UNTUK LEMBAGA DIUS API

TARIKH DIKLANAKAN: 10 MAC 2014 (SATU HARI SAHAJA)

AKHBAR DIKLANAKAN: BERITA HARIAN & STAR